



Risalah BIAH SOLEHAH

Badan Kebajikan Anak Wilayah Persekutuan Mesir

"Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik dan melarang daripada Segala perkara Yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar Iman)." Surah Ali Imran : Ayat 110



Lajnah Dakwah Dan Pembangunan Insan | <http://bkawm2u.blogspot.com> | "Keunggulan Ukhuwah Pemangkin Tarbiah" JULAI 2011 BIL. 9

BULAN SYA'BAN BULAN KEBERKATAN, BULAN RAHMAT, BULAN PENGAMPUNAN

Syaaban ertinya "berserak-serak". Bulan Syaaban bulan berserak-serak. Dinamakan demikian kerana bulan ini masyarakat Arab pada masa dahulu berserak-serak pergi ke lembah-lembah untuk mencari air, kerana pada bulan ini biasanya mereka menghadapi musim kekurangan air. Dalam keterangan yang lain, dikatakan sebab dinamakan demikian kerana pada bulan ini terdapat berserak-serak (banyak) kebajikan yang perlu direbut oleh umat Islam.

NISFU SYA'BAN

Lima belas hari bulan Syaaban yang sering disebut dengan Nisfu Syaaban adalah termasuk di dalam hari besar Islam, dan ia merupakan malam yang kedua termulia selepas malam Lailatul Qadar, kerana pada hari itu banyak mengandungi kelebihan dan Allah SWT memberikan atau menurunkan rahmat serta memberikan pengampunan kepada hambanya.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : "Allah SWT akan melihat kepada hambanya pada malam Nisfu Syaaban dan akan mengampunkan dosa-dosa seluruh makhluknya melainkan orang syirik dan orang yang berdengki (dalam riwayat lain : orang yang membunuh diri) (Riwayat Ibnu Hibban, Imam Thabrani)

Malam Nisfu Syaaban adalah malam yang mana mustajab doa orang-orang yang berdoa. Daripada Abu Darda' RA, bahawa Nabi SAW bersabda : "Pada malam Nisfu Syaaban, rahmat Allah SWT turun ke langit dunia, lalu memerhatikan amalan hamba-hambanya. Maka Allah mengampunkan orang-orang yang meminta keampunan dan menerima taubat orang-orang yang bertaubat kepadanya. Dia juga menerima permohonan orang-orang yang meminta dan mencukupkan orang-orang yang bertawakkal. Dia juga meninggalkan orang-orang yang berdendam tanpa memperlakukan sesuatu ke atas mereka dan mengampunkan dosa-dosa bagi sesiapa yang dikehendakinya melainkan dosa orang musyrik dan orang yang membunuh jiwa orang yang diharamkan oleh Allah SWT atau orang yang memutuskan silaturahim."

GALAKAN MENGHIDUPKAN MALAM NISFU SYABAN

Diriwayatkan oleh Abdur Razzaq ibn Humam daripada Ali ibn Abi Talib RA daripada Nabi SAW bersabda : "Apabila tiba malam Nisfu Syaban, hendaklah kalian bangun pada malamnya (melakukan ibadat) dan berpuasa pada sianginya kerana Allah SWT menurunkan perintahnya pada malam tersebut mulai dari terbenamnya matahari. Lalu Allah berfirman, "Adakah terdapat di kalangan hamba-hambaKu yang memohon keampunan, maka akan Aku ampunkannya. Adakah terdapat di kalangan mereka yang memohon keluasaan rezeki, maka akan Aku turunkan rezeki untuknya. Adakah di kalangan mereka orang yang ditimpa bala, maka akan Aku sejahterakannya. Adakah di kalangan mereka begini dan adakah di kalangan mereka begini sehinggalah menjelang fajar." (Dikeluarkannya oleh Ibnu Majah di dalam Sunannya; Hadis No 3822)

IBADAT YANG DIANJURKAN PADA BULAN SYA'BAN

-Keutamaan berpuasa pada bulan Syaaban :

Saidatina Aisyah RA berkata : Tidak pernah Rasulullah SAW berpuasa lebih banyak dari bulan Syaaban (kecuali Ramadhan) kerana sesungguhnya Baginda telah berpuasa sebulan penuh di mana Baginda telah bersabda : "lakukanlah apa amalan yang termampu olehmu kerana Allah Taala tidak pernah jemu sehingga kamu sendiri yang merasa jemu." (Riwayat Bukhari)

Dikeluarkan oleh : Lajnah Dakwah Dan Pembangunan Insan
Badan Kebajikan Anak Wilayah Persekutuan Mesir Sesi 2010/2011

-Menghidupkan malam Nisfu Sya'ban dengan solat tasbih.

Menurut Syeikh Soleh al Azhari; Imam Besar dan Tenaga Pengajar di Masjid al Azhar, bahawa malam tersebut boleh juga dihidupkan dengan pelbagai jenis ibadah lain untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti solat, membaca al Quran, berzikir dan berselawat ke atas Nabi SAW. Namun menurut Syeikh Salim al Sanhuri, beliau lebih mengutamakan solat sunat Tasbih kerana galakan yang kuat daripada Nabi SAW kepada bapa saudaranya al Abbas RA dan pahalanya amat besar.

Pada pendapat Sheikh Salim al Sanhuri, menghidupkan malam Nisfu Syaaban boleh juga dilakukan berseorangan di rumah atau berjemaah di masjid kerana hadis (Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang menghidupkan malam Nisfu Syaaban dan dua malam Raya, nescaya tidak akan mati hatinya pada hari hati-hati mati.) hadis ini menunjukkan secara umum galakan menghidupkan malam tersebut. Maka terpulanglah kepada kita untuk melakukan mana-mana ibadah selagi ia tidak melanggar landasan syariat. Manakala orang yang menyatakan bid'ah menghidupkan malam tersebut secara berjemaah, tidak mempunyai sebarang sandaran dan dalil melainkan kerana Rasulullah SAW dan para sahabat tidak melakukannya di dalam masjid. Harus kita ingat, Rasulullah SAW tidak melakukannya bukanlah menunjukkan ke atas pengharamannya kerana kaedah menyatakan :

الترك لا يفيد التحريم

“Setiap perkara yang ditinggalkan oleh Nabi SAW dan tidak disertai larangan daripada Baginda SAW, tidak menunjukkan ke atas pengharamannya.”

-Memperbanyakkan sedeqah dan membaca al Quran.

Daripada Anas b. Malik R.A katanya : sahabat-sahabat Rasulullah apabila mereka melihat anak bulan di permulaan bulan Syaaban mereka bersungguh-sungguh dalam membaca Al Quran.

DI ANTARA PERISTIWA PENTING YANG BERLAKU DALAM BULAN SYAABAN ADALAH PERTUKARAN QIBLAT

Setelah berlaku peristiwa Isra dan Mikraj Nabi Muhammad SAW bertemu Allah Taala dan menerima kewajipan solat lima waktu, sekali lagi berlaku beberapa peristiwa besar kepada seluruh umat Islam di bulan Syaaban ini. Antara yang berlaku ialah Allah memenangkan umat Islam di dalam Perang Bani Mustalik dan difardhukan beberapa ibadah khususnya zakat namun peristiwa yang paling besar adalah pertukaran qiblat dari Baitul Maqdis (Masjid Aqsa) ke Makkah (Masjidil Haram).

Kerap kali Kami melihat Engkau (Wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan Engkau berpaling menghadap kiblat Yang Engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haram (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. dan Sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) Yang telah diberikan kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah Yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa Yang mereka lakukan. (Al-Baqarah : 144)

Setelah Nabi SAW menerima kewajipan solat lima waktu Baginda melaksanakannya dengan berqiblatkan Masjidil Aqsa selama 16 bulan sebagai mensucikan tempat Nabi di'israkan dan di Mikrajkan ke langit dan tempat suci para nabi-nabi terdahulu A.S. Allah SWT telah menyuruh Nabi SAW supaya berpaling dan menghadap Baitullah. Solat pertama yang dilakukan oleh Nabi SAW selepas tahwil Qiblat ini adalah solat Zuhur mengikut sesetengah pendapat. Selepas peristiwa itu, Baginda SAW menerima pelbagai tohmahan dan cacian dikalangan orang Yahudi dan Nasrani. Dalam membatalkan dakwaan itu Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Orang-orang bodoh (yang kurang akal pertimbangannya) akan berkata: "Apa sebabnya Yang menjadikan orang-orang Islam berpaling dari kiblat Yang mereka menghadapnya selama ini?" Katakanlah (Wahai Muhammad): "Timur dan barat adalah kepunyaan Allah - (maka ke pihak mana sahaja kita diarahkan Allah menghadapnya, wajiblah kita mematuhiNya); Allah Yang memberikan petunjuk hidayahNya kepada sesiapa Yang dikehendakiNya ke jalan Yang lurus". (Al Baqarah : 142)